

**PENGARUH PENDEDAHAN PENDIDIKAN  
KEUSAHAWANAN, SIKAP KEUSAHAWANAN  
DAN PERSONALITI TERHADAP  
KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN  
PELAJAR PRA-U DI SABAH**



**UMS**  
**SAIDI BIN CHE IK**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2013**

**PENGARUH PENDEDAHAN PENDIDIKAN  
KEUSAHAWANAN, SIKAP KEUSAHAWANAN DAN  
PERSONALITI TERHADAP KECENDERUNGAN  
KEUSAHAWANAN PELAJAR PRA-U DI SABAH**

**SAIDI BIN CHE IK**



**UMS**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH**

**SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2013**

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


### BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: PENGARUH PENDEDAHAN PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN, SIKAP KEUSAHAWANAN DAN PERSONALITI TERHADAP KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN PELAJAR PRA-U DI SABAH

IJAZAH: DOKTOR FALSAFAH (KEUSAHAWANAN)

Saya, Saidi Bin Che Ik. Sesi Pengajian 2008 – 2013, mengaku membenarkan tesis Ijazah Doktor Falsafah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / )



**SULIT**

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

**TIDAK TERHAD**

Disahkan Oleh;

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Penulis)

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh: 02 Ogos 2013

\_\_\_\_\_  
(PROF. MADYA DR. HJH. ARSIAH HJ. BAHRON)  
Penyelia



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## 1.1 Pendahuluan

Statistik ekonomi di Malaysia mencatatkan pertumbuhan drastik terutamanya bidang keusahawanan (Industri Kecil dan Sederhana). Dalam tempoh 2000 hingga 2007 misalnya pendapatan negara meningkat sebanyak 166% atau RM 46.1 bilion (SME Annual Report, 2007). Sumbangan bidang keusahawanan bukan sahaja signifikan dalam menjana ekonomi negara tetapi mampu menangani masalah pengangguran (Bukryman Sabri *et al.*, 2008). Usaha melahirkan usahawan baharu perlu diberi perhatian supaya kesinambungan kestabilan ekonomi negara dalam jangka masa panjang dapat dikekalkan (Millman *et al.*, 2008). Kejayaan negara maju (Perancis) melahirkan usahawan dan pelajar berdikari menerusi pendekatan pendidikan teknik dan vokasional telah menyuntik semangat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk memperkasakan pendidikan tersebut (Berita Harian, 2010).

KPM telah melaksanakan pendidikan teknik dan vokasional khasnya pendidikan keusahawanan bertujuan melahirkan pelajar-pelajar sekolah termasuk pelajar Pra-U supaya mencebur bidang keusahawanan selepas tamat persekolahan (Majlis Peperiksaan Malaysia, 1998). Pendedahan pendidikan keusahawanan didapati mampu membentuk kecenderungan keusahawanan yang signifikan dalam kalangan pelajar sekolah menengah (Gibb, 2000). Kecenderungan keusahawanan yang wujud dalam diri pelajar merupakan kunci dalam melahirkan usahawan di masa depan. Kajian membuktikan kecenderungan keusahawanan memainkan faktor utama yang mendorong pelajar sekolah untuk memilih usahawan sebagai kerjaya dalam masa terdekat (Cheung, 2008).

Pendedahan pendidikan keusahawanan sama ada melalui subjek tertentu dan kelab berteraskan keusahawanan sepatutnya dapat mempengaruhi pembentukan sikap keusahawanan dan personaliti pelajar (Kirby, 2005). Pendidikan juga memainkan peranan yang penting dalam membentuk perubahan sikap, personaliti dan kesediaan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan sepenuhnya (Ab. Aziz dan Zakaria, 2004). Penilaian atau kajian tersebut dapat memastikan matlamat menjadikan bidang keusahawanan sebagai satu cara hidup atau kerjaya dalam kalangan pelajar dapat dicapai (Ab. Aziz, 2009). Justeru itu,

penilaian atau kajian mengenai pengaruh pendidikan keusahawanan dalam membentuk kecenderungan keusahawanan menerusi perubahan sikap dan personaliti sewajarnya diberi tumpuan.

Pendedahan pendidikan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah merupakan langkah yang bersesuaian tahap umur disemai kecenderungan keusahawanan berbanding golongan dewasa. Pendidikan keusahawanan berterusan pastinya memberi peluang kepada pelajar yang tidak mempunyai pengalaman keusahawanan untuk menimba ilmu pengetahuan (Majlis Peperiksaan Malaysia, 1998). Oleh yang demikian itu, usaha memupuk kecenderungan keusahawanan harus dijalankan secara berterusan bagi memastikan pelajar sentiasa cenderung terhadap bidang keusahawanan sehingga tamat alam persekolahan (Nor Aishah Buang *et al.*, 2010).

Di samping itu, kajian menunjukkan faktor demografi (jantina, persekitaran dan latar belakang keluarga) sebagai moderator dalam membentuk kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar (Dana, 2001; Mathews dan Moser, 1995; Nor Aishah Buang *et al.*, 2010; Wilson *et al.*, 2007). Keseluruhan kajian ini memberi tumpuan dalam mengkaji dan mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar Pra-U di Sabah. Sehubungan itu, kerangka teoretikal kajian yang menjadi teras kajian pastinya dapat membuka ruang kepada kajian masa hadapan dan memberi sedikit sumbangan dalam bidang pendidikan keusahawanan di Malaysia.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Bidang keusahawanan bukan sahaja menjanjikan pendapatan yang tinggi pada usahawan dan negara tapi turut menawarkan peluang pekerjaan baharu (Collette *et al.*, 2004; Taylor dan Plummer, 2003). Laporan menunjukkan bahawa aktiviti Industri Kecil dan Sederhana menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara sebanyak 166% (Collette *et al.*, 2004; SME Annual Report, 2007). Justeru itu, sumbangan bidang keusahawanan dalam ekonomi negara dapat dikekalkan

sekiranya generasi baharu menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya atau cara hidup (Cheung, 2008).

Pendidikan keusahawanan merupakan medium yang mampu mempengaruhi kecenderungan pelajar melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Kecenderungan pelajar menceburi bidang keusahawanan boleh disemai sewaktu di alam persekolahan (Mitchell, 1977; Pyne *et al.*, 2002). Kecenderungan pelajar untuk menjadi usahawan merupakan peringkat paling penting bagi melahirkan usahawan (Baringer dan Ireland, 2008). Pembentukan kecenderungan keusahawanan dalam diri pelajar merupakan elemen utama dalam proses pembangunan keusahawanan (Ab. Aziz Yusof dan Zakaria Yusof, 2004). Justeru itu, pengaruh pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar perlu dikaji supaya matlamat melahirkan pelajar yang bakal menceburi bidang keusahawanan tercapai (Lee *et al.*, 2009; Mohar Yusof *et al.*, 2008).

Kecenderungan pelajar menceburi bidang keusahawanan boleh diajar atau dididik melalui proses pendidikan keusahawanan (Gibb, 2000; Gorman *et al.*, 1997). Pelajar yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan mempunyai kecenderungan keusahawanan yang signifikan untuk menceburi bidang keusahawanan (Charney dan Libecap, 2000; Godsey, 2006). Selain itu, pendidikan keusahawanan amat berfaedah sekiranya dapat dilaksanakan di peringkat pra-kolej (Pra-U). Pendedahan pendidikan keusahawanan amat signifikan dalam meningkatkan minat dan memberi ruang kepada pelajar Pra-U supaya dapat menyiapkan diri untuk menceburi dalam aktiviti keusahawanan (Wilson *et al.*, 2004).

Pertambahan dalam penawaran program keusahawanan di peringkat diploma, sarjana muda dan sarjana di kebanyakan IPTA dan IPTS di Malaysia menggambarkan betapa pentingnya pendidikan dalam mendorong penglibatan graduan dalam bidang keusahawanan (Mohd Khairuddin Hashim dan Syed Azizi Wafa, 2002). Sebaliknya pendidikan keusahawanan di peringkat sekolah menengah termasuk Pra-U diterapkan melalui subjek-subjek berteraskan keusahawanan di antaranya Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB), Perdagangan dan

Pengajian Perniagaan (PP) termasuk aktiviti seperti Kelab Usahawan Muda dan Koperasi Sekolah (Majlis Peperiksaan Malaysia, 1998). Kajian menunjukkan pendedahan pendidikan keusahawanan mempengaruhi kecenderungan pelajar memilih keusahawanan sebagai kerjaya (Chen *et al.*, 2010).

Peranan pendidikan keusahawanan sebenarnya tidak hanya memupuk kecenderungan keusahawanan semata-mata tetapi mampu membentuk sikap positif terhadap keusahawanan. Di mana, kecenderungan amat berkait rapat dengan kekuatan fizikal, emosi dan rohani bagi membentuk perubahan sikap, personaliti dan kesediaan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan sepenuhnya (Ab. Aziz Yusof dan Zakaria Yusof, 2004). Perubahan sikap secara langsung akan mempengaruhi kecenderungan keusahawanan dan selanjutnya mempengaruhi individu melakukan sesuatu kelakuan iaitu menceburi bidang keusahawanan (Ajzen, 1991).

Teori Kelakuan Terancang (Ajzen, 1988; 1991) misalnya mengkategorikan sikap individu kepada sikap terhadap kelakuan, norma subjektif dan tanggapan terhadap kawalan kelakuan. Ketiga-tiga variabel tersebut mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar (Fayolle *et al.*, 2006; Mohar Yusof *et al.*, 2008). Justeru itu, pendidikan keusahawanan sewajarnya dapat membentuk sikap keusahawanan dan tanggapan terhadap kawalan kelakuan yang akhirnya melahirkan pelajar yang mempunyai kecenderungan menceburi bidang keusahawanan (Schwarz *et al.*, 2006; Zaidatol Akamaliah Lope Pihie dan Hisyamuddin Hassan, 2009).

Selain sikap keusahawanan dan tanggapan terhadap kawalan kelakuan, personaliti diri turut mempunyai pengaruh dalam membentuk kecenderungan keusahawanan individu (Ab. Aziz Yusof dan Zakaria Yusof, 2004). Pelajar yang ingin melibatkan diri dalam bidang keusahawanan seharusnya mempunyai ciri personaliti diri dan tingkah laku yang sesuai sebagai seorang usahawan. Kajian mendapati personaliti menyumbang terhadap penglibatan individu dalam bidang keusahawanan (Ciavarella *et al.*, 2004; Kerrick, 2008). Justeru itu, pendedahan pendidikan keusahawanan sewajarnya berupaya membentuk personaliti yang



sesuai bagi melahirkan usahawan yang berjaya di masa hadapan (Mohamad Ismail *et al.*, 2009; Vecchio, 2003).

Model Personaliti Lima Faktor (MPLF) mencadangkan lima personaliti individu yang sesuai untuk menceburi bidang keusahawanan atau ciri untuk menjadi seorang usahawan (Gosling *et al.*, 2003). Lima personaliti tersebut terdiri daripada personaliti keterbukaan fikiran, ketelitian, ekstrovert, mudah mencapai persetujuan dan kestabilan emosi (Azlina Mohd. Kosnin dan Tan Sew Lee, 2008). Kajian menunjukkan personaliti keterbukaan fikiran dan ketelitian mempunyai pengaruh signifikan terhadap pembentukan kecenderungan keusahawanan (Brice, 2004). Justeru itu, personaliti yang selari dengan bidang keusahawanan perlu dikenal pasti dan dibentuk supaya dapat melahirkan pelajar yang mempunyai kecenderungan keusahawanan.

Di samping pendidikan, sikap dan personaliti, ciri demografi seperti kaum juga dapat meningkatkan kecenderungan keusahawanan (Dana, 2001). Kajian mendapati kaum bukan Bumiputera di Malaysia menguasai 37.0 peratus dalam pemilikan saham syarikat-syarikat di Malaysia manakala masyarakat Bumiputera agak ketinggalan di belakang sekadar mencapai 18.7 peratus (Suhaili Sarif dan Azlan Amran, 2006). Sehubungan itu, penglibatan kaum-kaum dalam bidang keusahawanan masih tidak seimbang di antara satu sama lain yang menyebabkan jurang ekonomi yang ketara dalam masyarakat (Laporan Separuh Penggal RMK-9, 2010). Kaum bukan Bumiputera lebih menonjol dalam aktiviti atau bidang keusahawanan di Malaysia (Dana, 2001).

Selain itu, kerajaan turut melaksanakan program untuk menarik golongan wanita supaya menceburi bidang keusahawanan. Datuk Mukhriz Mahathir, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Luar (MITI) telah menyuarakan bahawa penglibatan golongan wanita dalam bidang keusahawanan adalah sangat sedikit hanya 82,911 atau 16.0 peratus dalam perusahaan kecil dan sederhana. Berakhir bulan September 2009, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM 23.29 juta untuk melatih dan menaik taraf kemahiran usahawan wanita dalam perniagaan. Namun begitu, hanya segelintir sahaja daripada

golongan wanita yang tampil untuk mendapatkan kemudahan tersebut (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Luar, 2009).

Penglibatan keluarga terutamanya ibu bapa dalam bidang keusahawanan merupakan contoh yang terbaik untuk meningkatkan kecenderungan keusahawanan pelajar (Delmar dan Davidsson, 2000). Pengalaman yang diperoleh dalam mengurus perniagaan keluarga merupakan kaedah pendidikan tidak formal yang dapat membentuk minat pelajar menceburi bidang perniagaan (Westhead, 2003). Kajian membuktikan pelajar yang mendapat pendedahan terhadap keusahawanan terutamanya ibu bapa atau keluarga yang terlibat dalam aktiviti perniagaan bersikap positif terhadap keusahawanan (Azzat *et al.*, 2009; Drennan *et al.*, 2005). Justeru itu, peranan penglibatan atau latar belakang keluarga dalam keusahawanan mempengaruhi sikap pelajar terhadap kecenderungan keusahawanan (Mohammad Ismail *et al.*, 2009).

Kepentingan kecenderungan keusahawanan dalam melahirkan generasi usahawan pasti mendatangkan manfaat kepada masyarakat dan negara (Dana, 2001; Wilson *et al.*, 2007). Justeru itu kajian untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kecenderungan keusahawanan termasuk peranan mediator dan moderator pastinya akan memberi sumbangan dalam bidang keusahawanan di Malaysia khususnya di Sabah.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kepentingan dan sumbangan bidang keusahawanan terhadap kestabilan ekonomi negara sudah terbukti (Collette *et al.*, 2004; SME Annual Report, 2007). Masyarakat terutamanya pelajar perlu dididik supaya mempunyai kecenderungan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan (Lee *et al.*, 2009). Pelaksanaan pendidikan keusahawanan agak ketara di peringkat institut pengajian tinggi menerusi penawaran program dan kursus keusahawanan (Mohd Khairuddin Hashim dan Syed Azizi Wafa, 2002). Namun begitu, pembentukan kecenderungan

keusahawanan perlu diberi perhatian serius kepada pelajar sekolah menengah terutamanya pelajar Pra-U (Nor Aishah Buang *et al.*, 2010; Wilson *et al.*, 2007).

Perlaksanaan pendidikan keusahawanan menerusi subjek Kemahiran Hidup Bersepadu, Perdagangan dan Pengajian Perniagaan termasuk aktiviti kelab seperti Kelab Usahawan Muda dan Koperasi Sekolah diharap dapat membentuk kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar (Majlis Peperiksaan Malaysia, 1998). Namun, kajian menunjukkan pelajar Tingkatan 5 dan 4 yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan menerusi subjek Perdagangan dan Kemahiran Hidup Bersepadu mempunyai kecenderungan keusahawanan yang rendah (Sharifah Kamariah Syer Sofian, 1996; Zaidatul Akamaliah Lope Pihie *et al.*, 2002). Walaupun begitu, pengaruh subjek Pengajian Perniagaan dan aktiviti kelab terhadap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan Pra-U masih menjadi tanda tanya.

Pendedahan pendidikan keusahawanan sewajarnya membentuk sikap yang positif terhadap keusahawanan (Schwarz *et al.*, 2006; Zaidatul Akamaliah Lope Pihie dan Hisyamuddin Hassan, 2009). Sikap keusahawanan dan tanggapan terhadap kawalan kelakuan didapati mempunyai pengaruh signifikan terhadap kecenderungan individu menceburi bidang keusahawanan (Ajzen, 1991; Autio *et al.*, 2001). Justeru itu, pendedahan pendidikan keusahawanan seharusnya mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kedua-dua sikap di atas dan berperanan sebagai mediator dalam meningkatkan kecenderungan keusahawanan dalam diri pelajar.

Selain itu, kecenderungan keusahawanan merupakan proses yang melibatkan tingkah laku dan persekitarannya (Gartner, 1985). Personaliti dalaman yang mantap mempengaruhi kecenderungan keusahawanan seorang usahawan (Abd. Aziz Yusof dan Zakaria Yusof, 2004). Kajian lepas menunjukkan personaliti diri mempunyai hubungan positif terhadap penglibatan individu dalam bidang keusahawanan (Ciavarella *et al.*, 2004; Kerrick, 2008). Personaliti keterbukaan fikiran, ketelitian, ekstrovert dan kestabilan emosi turut mempunyai pengaruh terhadap kecenderungan keusahawanan (Fatimah Wati, 2006; Gosling *et al.*, 2003; Mohamad Ismail *et al.*, 2009). Personaliti diri biasanya dipengaruhi daripada

genetik warisan keluarga, pendidikan dan persekitaran (Nooraini Othman, 2009). Namun begitu, apakah pendedahan pendidikan keusahawanan mempengaruhi personaliti dan berperanan sebagai mediator terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U.

Kajian menunjukkan bahawa ciri demografi (jantina, kaum, dan latar belakang keluarga dalam perniagaan) merupakan moderator yang signifikan terhadap kecenderungan individu yang menceburi bidang keusahawanan (Lee et al., 2009; Linan et al., 2005; Mohar Yusof et al., 2008; Suhaili dan Azlan, 2006; Chen et al., 2010). Peranan suku kaum dan demografi sebagai moderator terhadap penglibatan individu dalam bidang keusahawanan sewajarnya dijadikan variabel kajian di lokasi yang berbeza (Fairlie, 2004; Wilson et al., 2004). Justeru itu, penggunaan ciri demografi seperti jantina, kaum dan latar belakang keluarga sebagai moderator pastinya signifikan terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.

Kesimpulannya, apakah pendedahan pendidikan keusahawanan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kecenderungan keusahawanan, sikap (sikap keusahawanan dan tanggapan terhadap kawalan kelakuan) dan personaliti (keterbukaan fikiran, ketelitian, ekstrovert dan kestabilan emosi). Apakah sikap dan personaliti berperanan sebagai mediator terhadap kecenderungan keusahawanan? Begitu juga, apakah demografi berperanan sebagai moderator di antara sikap dengan kecenderungan keusahawanan?

#### **1.4 Soalan Kajian**

Isu-isu dan persoalan yang diperkatakan dalam bahagian latar belakang termasuk pernyataan masalah telah dirumuskan semula dalam bentuk soalan kajian. Kajian membariskan tiga puluh tiga soalan yang bakal dijawab menerusi kajian ini. Soalan-soalan utama kajian yang dikemukakan adalah seperti berikut:

1.4.1 Apakah terdapat perbezaan yang signifikan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan

dengan pelajar Pra-U yang tidak mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan?

1.4.2 Apakah terdapat perbezaan yang signifikan sikap keusahawanan pelajar Pra-U yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan dengan pelajar Pra-U yang tidak mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan?

1.4.3 Apakah terdapat perbezaan yang signifikan tanggapan terhadap kawalan kelakuan pelajar Pra-U yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan dengan pelajar Pra-U yang tidak mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan?

1.4.4 Apakah terdapat perbezaan yang signifikan personaliti keterbukaan fikiran pelajar Pra-U yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan dengan pelajar Pra-U yang tidak mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan?

1.4.5 Apakah terdapat perbezaan yang signifikan personaliti ketelitian pelajar Pra-U yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan dengan pelajar Pra-U yang tidak mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan?

1.4.6 Apakah terdapat perbezaan yang signifikan personaliti ekstrovert pelajar Pra-U yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan dengan pelajar Pra-U yang tidak mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan?

1.4.7 Apakah terdapat perbezaan yang signifikan personaliti kestabilan emosi pelajar Pra-U yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan dengan pelajar Pra-U yang tidak mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan?

1.4.8 Apakah terdapat pengaruh yang signifikan variabel pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah?

- 1.4.9 Apakah terdapat pengaruh yang signifikan variabel pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap sikap keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.10 Apakah terdapat pengaruh yang signifikan variabel pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap variabel tanggapan terhadap kawalan kelakuan pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.11 Apakah terdapat pengaruh yang signifikan variabel pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap personaliti keterbukaan fikiran pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.12 Apakah terdapat pengaruh yang signifikan variabel pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap personaliti ketelitian pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.13 Apakah terdapat pengaruh yang signifikan variabel pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap personaliti ekstrovert pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.14 Apakah terdapat pengaruh yang signifikan variabel pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap personaliti kestabilan emosi pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.15 Apakah terdapat pengaruh yang signifikan variabel sikap keusahawanan terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.16 Apakah terdapat pengaruh yang signifikan variabel tanggapan terhadap kawalan terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.17 Apakah terdapat pengaruh yang signifikan variabel personaliti keterbukaan fikiran terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.18 Apakah terdapat pengaruh yang signifikan variabel personaliti ketelitian terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.19 Apakah terdapat pengaruh yang signifikan variabel personaliti ekstrovert terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah?

- 1.4.20 Apakah terdapat pengaruh yang signifikan variabel personaliti kestabilan emosi terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.21 Apakah variabel sikap keusahawanan berperanan sebagai mediator di antara variabel pendedahan pendidikan keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.22 Apakah variabel tanggapan terhadap kawalan kelakuan berperanan sebagai mediator di antara variabel pendedahan pendidikan keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.23 Apakah variabel personaliti keterbukaan fikiran berperanan sebagai mediator di antara variabel pendedahan pendidikan keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.24 Apakah variabel personaliti ketelitian berperanan sebagai mediator di antara variabel pendedahan pendidikan keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.25 Apakah variabel personaliti ekstrovert berperanan sebagai mediator di antara variabel pendedahan pendidikan keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.26 Apakah variabel personaliti kestabilan emosi berperanan sebagai mediator di antara variabel pendedahan pendidikan keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.27 Apakah ciri demografi jantungina berperanan sebagai moderator di antara variabel sikap keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.28 Apakah ciri demografi kaum berperanan sebagai moderator di antara variabel sikap keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah?

- 1.4.29 Apakah ciri demografi latar belakang keluarga berperanan sebagai moderator di antara variabel sikap keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.30 Apakah ciri demografi jantina berperanan sebagai moderator di antara variabel tanggapan terhadap kawalan kelakuan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.31 Apakah ciri demografi kaum berperanan sebagai moderator di antara variabel tanggapan terhadap kawalan kelakuan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.32 Apakah ciri demografi latar belakang keluarga berperanan sebagai moderator di antara variabel tanggapan terhadap kawalan kelakuan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah?
- 1.4.33 Apakah terdapat kesesuaian model teoretikal pengaruh langsung dan tidak langsung variabel pendedahan pendidikan keusahawanan, sikap keusahawanan, tanggapan terhadap kawalan kelakuan dan personaliti terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah?

## **1.5 Objektif Kajian**


Objektif kajian ini merupakan kesinambungan daripada tiga puluh tiga soalan kajian yang diutarakan sebelum ini. Sebagaimana soalan kajian, dalam bahagian objektif kajian juga turut membariskan tiga puluh tiga objektif utama yang bakal dicapai pada akhir kajian nanti. Objektif utama kajian yang dimaksudkan adalah seperti berikut;



- 1.5.1 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan dengan pelajar Pra-U yang tidak mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan.
- 1.5.2 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan sikap keusahawanan pelajar Pra-U yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan dengan pelajar Pra-U yang tidak mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan.
- 1.5.3 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan tanggapan terhadap kawalan kelakuan pelajar Pra-U yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan dengan pelajar Pra-U yang tidak mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan.
- 1.5.4 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan personaliti keterbukaan fikiran pelajar Pra-U yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan dengan pelajar Pra-U yang tidak mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan.
- 1.5.5 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan personaliti ketelitian pelajar Pra-U yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan dengan pelajar Pra-U yang tidak mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan.
- 1.5.6 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan personaliti ekstrovert pelajar Pra-U yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan dengan pelajar Pra-U yang tidak mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan.
- 1.5.7 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan personaliti kestabilan emosi pelajar Pra-U yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan dengan pelajar Pra-U yang tidak mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan.

- 1.5.8 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh yang signifikan variabel pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.9 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh yang signifikan variabel pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap sikap keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.10 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh yang signifikan variabel pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap variabel tanggapan terhadap kawalan kelakuan pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.11 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh yang signifikan variabel pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap personaliti keterbukaan fikiran pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.12 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh yang signifikan variabel pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap personaliti ketelitian pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.13 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh yang signifikan variabel pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap personaliti ekstrovert pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.14 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh yang signifikan variabel pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap personaliti kestabilan emosi pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.15 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh yang signifikan variabel sikap keusahawanan terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.16 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh yang signifikan variabel tanggapan terhadap kawalan terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.

- 1.5.17 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh yang signifikan variabel personaliti keterbukaan fikiran terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.18 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh yang signifikan variabel personaliti ketelitian terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.19 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh yang signifikan variabel personaliti ekstrovert terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.20 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh yang signifikan variabel personaliti kestabilan emosi terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.21 Untuk mengenal pasti sama ada variabel sikap keusahawanan berperanan sebagai mediator di antara variabel pendedahan pendidikan keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.22 Untuk mengenal pasti sama ada variabel tanggapan terhadap kawalan kelakuan berperanan sebagai mediator di antara variabel pendedahan pendidikan keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.23 Untuk mengenal pasti sama ada variabel personaliti keterbukaan fikiran berperanan sebagai mediator di antara variabel pendedahan pendidikan keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

- 1.5.24 Untuk mengenal pasti sama ada variabel personaliti ketelitian berperanan sebagai mediator di antara variabel pendedahan pendidikan keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.25 Untuk mengenal pasti sama ada variabel personaliti ekstrovert berperanan sebagai mediator di antara variabel pendedahan pendidikan keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.26 Untuk mengenal pasti sama ada variabel personaliti kestabilan emosi berperanan sebagai mediator di antara variabel pendedahan pendidikan keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.27 Untuk mengenal pasti sama ada ciri demografi jantina berperanan sebagai moderator di antara variabel sikap keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.28 Untuk mengenal pasti sama ada ciri demografi kaum berperanan sebagai moderator di antara variabel sikap keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.29 Untuk mengenal pasti sama ada ciri demografi latar belakang keluarga berperanan sebagai moderator di antara variabel sikap keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.30 Untuk mengenal pasti sama ada ciri demografi jantina berperanan sebagai moderator di antara variabel tanggapan terhadap kawalan kelakuan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.31 Untuk mengenal pasti sama ada ciri demografi kaum berperanan sebagai moderator di antara variabel tanggapan terhadap kawalan kelakuan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- 1.5.32 Untuk mengenal pasti sama ada ciri demografi latar belakang keluarga berperanan sebagai moderator di antara variabel tanggapan terhadap

kawalan kelakuan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.

1.5.33 Untuk membina model teoretikal pengaruh langsung dan tidak langsung variabel pendedahan pendidikan keusahawanan, sikap keusahawanan, tanggapan terhadap kawalan kelakuan dan personaliti terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **1.6 Hipotesis Kajian**

Soalan dan objektif kajian merupakan asas dalam membina hipotesis kajian. Hasil pengujian ke atas hipotesis kajian dapat membantu penyelidik menjelaskan pengaruh pendedahan pendidikan keusahawanan, sikap keusahawanan, tanggapan terhadap kawalan kelakuan dan personaliti terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah. Penyelidik mengutarakan tiga puluh tiga hipotesis kajian seperti yang dinyatakan di bawah:

*H1* Terdapat perbezaan yang signifikan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U yang mendapat pendedahan pendidikan

keusahawanan dengan pelajar Pra-U yang tidak mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan.

*H2* Terdapat perbezaan yang signifikan sikap keusahawanan pelajar Pra-U yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan dengan pelajar Pra-U yang tidak mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan.

*H3* Terdapat perbezaan yang signifikan tanggapan terhadap kawalan kelakuan pelajar Pra-U yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan dengan pelajar Pra-U yang tidak mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan.

*H4* Terdapat perbezaan yang signifikan personaliti keterbukaan fikiran pelajar Pra-U yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan dengan pelajar Pra-U yang tidak mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan.

*H5* Terdapat perbezaan yang signifikan personaliti ketelitian pelajar Pra-U yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan dengan pelajar Pra-U yang tidak mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan.

*H6* Terdapat perbezaan yang signifikan personaliti ekstrovert pelajar Pra-U yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan dengan pelajar Pra-U yang tidak mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan.

*H7* Terdapat perbezaan yang signifikan personaliti kestabilan emosi pelajar Pra-U yang mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan dengan pelajar Pra-U yang tidak mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan.

- H8* Terdapat pengaruh yang signifikan variabel pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- H9* Terdapat pengaruh yang signifikan variabel pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap sikap keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- H10* Terdapat pengaruh yang signifikan variabel pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap variabel tanggapan terhadap kawalan kelakuan pelajar Pra-U di Sabah.
- H11* Terdapat pengaruh yang signifikan variabel pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap personaliti keterbukaan fikiran pelajar Pra-U di Sabah.
- H12* Terdapat pengaruh yang signifikan variabel pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap personaliti ketelitian pelajar Pra-U di Sabah.
- H13* Terdapat pengaruh yang signifikan variabel pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap personaliti ekstrovert pelajar Pra-U di Sabah.
- H14* Terdapat pengaruh yang signifikan variabel pendedahan pendidikan keusahawanan terhadap personaliti kestabilan emosi pelajar Pra-U di Sabah.
- H15* Terdapat pengaruh yang signifikan variabel sikap keusahawanan terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- H16* Terdapat pengaruh yang signifikan variabel tanggapan terhadap kawalan terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.

- H17* Terdapat pengaruh yang signifikan variabel personaliti keterbukaan fikiran terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- H18* Terdapat pengaruh yang signifikan variabel personaliti ketelitian terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- H19* Terdapat pengaruh yang signifikan variabel personaliti ekstrovert terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- H20* Terdapat pengaruh yang signifikan variabel personaliti kestabilan emosi terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- H21* Variabel sikap keusahawanan berperanan sebagai mediator di antara variabel pendedahan pendidikan keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- H22* Variabel tanggapan terhadap kawalan kelakuan berperanan sebagai mediator di antara variabel pendedahan pendidikan keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- H23* Variabel personaliti keterbukaan fikiran berperanan sebagai mediator di antara variabel pendedahan pendidikan keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- H24* Variabel personaliti ketelitian berperanan sebagai mediator di antara variabel pendedahan pendidikan keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.
- H25* Variabel personaliti ekstrovert berperanan sebagai mediator di antara variabel pendedahan pendidikan keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar Pra-U di Sabah.